

MONTEXIN CHEWABLE TABLETS

Montelukast (4mg, 5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Montexin
2. Bagaimana Montexin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Montexin
4. Cara menggunakan Montexin
5. Semasa menggunakan Montexin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Montexin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Montexin

1. Pencegahan dan rawatan kronik asma di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak 12 bulan dan ke atas.
2. Melegakan gejala alahan rinitis (alaham rinitis bermusim di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak 2 tahun ke atas).

Bagaimana Montexin berfungsi

Montexin mengandungi bahan aktif montelukast.

Montelukast adalah antagonis reseptor leukotriene yang menghalang bahan-bahan yang dipanggil leukotrienes. Leukotrienes menyebabkan penyempitan dan Bengkak pada saluran udara di dalam paru-paru dan juga menyebabkan gejala alahan. Dengan menyekat leukotrienes, ia membantu gejala asma, membantu mengawal asma dan mengurangkan gejala alahan bermusim.

Sebelum menggunakan Montexin

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Montexin jika anda mempunyai reaksi alahan (hipersensitiviti) terhadap Montelukast atau mana-mana bahan-bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini..

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Montexin jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jika anda hamil ketika mengambil Montexin, berhenti mengambil dengan segera dan hubungi doktor anda.

Jangan ambil Montexin jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum mula menggunakan Montexin

Beritahu doktor sebelum anda mula mengambil pil jika anda:

- mempunyai fenilketonuria (penyakit yang diwarisi yang menyebabkan asid amino yang dipanggil phenylalanine terkumpul dalam badan anda)
- mempunyai alahan kepada aspirin.
- Mempunyai alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Montexin tidak diindikasikan untuk serangan asma akut.

Ia tidak harus digunakan sebagai terapi tunggal bagi rawatan dan pengurusan bronkospasma (penyempitan saluran udara dari paru-paru) yang disebabkan oleh senaman.

Doktor anda akan membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat-ubat lain mungkin terjejas akibat Montexin. Keberkesanan Montexin juga mungkin akan dijejaskan oleh ubat-ubat tersebut. Ini termasuk:

- Theophylline
- Prednisone
- Prednisolone
- Pil perancang (norethindrone 1 mg / ethinyl 1 estradiol 35 mcg)
- Terfenadine
- Digoxin
- Warfarin
- *Cytochrome P450 enzyme inducers* (contohnya, phenobarbital atau rifampin)

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan yang disebut di atas atau mana-mana ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Montexin

Berapa banyak harus digunakan

Montexin perlu diambil sekali sehari dengan air.

Asma atau rinitis alergi bermusim

Kanak-kanak 6-14 tahun: satu 5-mg tablet kunyah setiap hari

Kanak-kanak 2-5 tahun: Satu 4-mg tablet kunyah setiap hari

Bila perlu digunakan

Untuk asma, Montexin perlu diambil pada waktu petang. Untuk alahan rinitis bermusim, masa pengambilan boleh mengikut keperluan individu sendiri. Jika anda mempunyai asma dan alahan rinitis, sila ambil pada waktu petang.

Anda boleh mengambil pil anda dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda boleh memberikan anda maklumat yang lebih terperinci. Jangan berhenti atau menukar cara pengambilan Montexin tanpa berbincang dengan doktor anda.

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil Montexin walaupun asma anda telah dikawal dan semasa penyakit asma anda bertambah teruk.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda dos berlebihan termasuk:

- Sakit perut
- Mengantuk
- Dahaga
- Sakit kepala
- Muntah
- Hiperaktif psikomotor

Semasa menggunakan Montexin

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Montexin.

MONTEXIN CHEWABLE TABLETS

Montelukast (4mg, 5mg)

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Jika anda sensitif terhadap aspirin, terus elakkan pengambilan aspirin atau mana-mana ubat anti-radang bukan steroid semasa rawatan dengan Montexin.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Montexin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan mengambil Montexin jika anda memerlukan bantuan segera daripada serangan asma secara tiba-tiba. Jika anda mengalami serangan asma, anda perlu mengikut arahan doktor untuk merawat serangan asma.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sentiasa bawa bersama ubat penyedut bersama anda untuk serangan asma.

Jangan berhenti mengambil atau mengurangkan dos ubat-ubatan asma anda yang lain melainkan doktor anda memberitahu anda.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Montexin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jika mana-mana kesan sampingan menjadi semakin serius atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi.

Penyakit asma

Dewasa berumur 15 tahun dan ke atas

Seluruh badan :

Astenia / keletihan, demam, sakit perut, trauma

Gangguan sistem pencernaan:
Disepsia (ketakcernaan), gastroenteritis (radang perut dan usus), sakit gigi

Sistem Saraf / Psikiatri:
Pening, sakit kepala

Gangguan Sistem pernafasan:
Hidung tersumbat, batuk, selesema

Kulit / Gangguan Kulit apendej :
ruam

Pesakit Pediatrik 6-14 Tahun

Sakit tekak, selesema, demam, resdung, loya, cirit-birit, disepsia, otitis (radang di dalam telinga), jangkitan virus, dan laringitis (radang pada kotak suara).

Pesakit Pediatrik 2-5 Tahun

Demam, batuk, sakit perut, cirit-birit, sakit kepala, rinorea (hidung berair), resdung, otitis, influenza, ruam, sakit telinga, gastroenteritis, ekzema, urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbu), cacar air, radang paru-paru, dermatitis (radang pada kulit), dan konjunktivitis (keradangan atau jangkitan pada membran halus yang menutupi bola mata dan lapisan kelopak mata).

Pesakit Pediatrik 6-23 bulan dengan Penyakit asma

Infeksi saluran pernafasan atas, berdehit, otitis media, sakit tekak, tonsillitis (sejenis keradangan pada dua pad tisu berbentuk bujur di bahagian belakang tekak), batuk dan rinitis.

Alahan Rinitis Bermusim

Dewasa dan Remaja berumur 15 tahun dan ke atas

Infeksi saluran pernafasan atas, dan mengantuk.

Pesakit Pediatrik 2-14 Tahun

Sakit kepala, otitis media, faringitis, dan infeksi saluran pernafasan atas.

Alahan Rinitis Perennial

Orang dewasa dan remaja berumur 15 tahun dan ke atas

Sinusitis, jangkitan saluran pernafasan atas, sakit kepala sinus, batuk, epistaksis (pendarahan dari hidung),

peningkatan ALT (enzim hati), dan somnolens.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Montexin

Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

Lindungi daripada kelembapan dan cahaya.

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh tamat yang dinyatakan pada pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Montexin Chewable Tablets 4 mg adalah tablet bujur merah jambu, ST/025 di cetak di sebelah sisi.

Montexin Chewable Tablets 5 mg adalah tablet bulat merah jambu, ST/027 di cetak di sebelah sisi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Montexin Chewable Tablets 4 mg: Montelukast Sodium 4.2 mg (bersamaan dengan Montelukast 4.0 mg)

Montexin Chewable Tablets 5 mg:

Montelukast Sodium 5.2 mg (bersamaan dengan Montelukast 5.0 mg)

MONTEXIN CHEWABLE TABLETS

Montelukast (4mg, 5mg)

Bahan tidak aktif
Aspartame, Hydroxypropyl Cellulose,
Iron Oxide Red, Mannitol,
Croscarmellose Sodium, Purified
Water, 95% Alcohol, Strawberry
micron, Microcrystalline Cellulose and
Magnesium Stearate.

Nombor MAL

Montexin Chewable Tablets 4 mg

MAL10053672A

Montexin Chewable Tablets 5 mg:

MAL10053673A

Pengilang

TAIWAN BIOTECH CO., LTD.,
22, Chieh-Shou Road Taoyuan,
Taiwan, R.O.C.

Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN. BHD.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 1/2 Miles
off Jalan Meru, 41050 Klang Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

29/12/2015

Nombor Siri

BPK(R4/1)191215/00513